

MAHATHIR

1978

KUALA LUMPUR, 14 NOV (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN MALAYSIA MENJADI SUMBER PEMBUATAN BARANG-BARANG GANTI OTOMATIF BAGI PASARAN ASEAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SEMASA LAWATANNYA KE JEPUN BARU-BARU INI BAGI MENARIK PELABURAN, BELIAU DIBERITAHU OLEH MEREKA YANG BERKAITAN DENGAN PERINDUSTRIANKERETA BAHAWA PERBINCANGAN MENGENAI PERKARA ITU TELAH BANYAK KALI DIADAKAN.

+ADALAH MENGGALAKKAN MENDENGAR AHLI-AHLI PERNIAGAAN BERCAKAP MENGENAI TEKNOLOGI BERSAMA MALAYSIA-JEPUN BAGI MENGELUARKAN BARANG-BARANG DI MALAYSIA YANG PADA MATLAMAT AKHIRNYA UNTUK DI-EKSPORT TIDAK SAJA KE NEGARA ASEAN TETAPI JUGA JEPUN MALAHAN EROPAH, + UJAR BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN PERINDUSTRIAN TELAH BERUCAP SEBELUM MELANCARKAN SEBUAH KERETA BARU JENIS SUBARU DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

BELIAU YAKIN MEMANDANGKAN EKONOMI MALAYSIA YANG KUKUH, DI-SAMPING KOS PENGELUARAN YANG AGAK RENDAH SERTA IKLIM POLITIK YANG STABIL, LEBIH BANYAK SYARIKAT AKAN MENINGAUKAN KEMUNGKINAN MENJADIKAN NEGARA INI SEBAGAI SUMBER AKTIBITI BIDANG PEMBUATAN.

—BERSAMBUNG 2133/AH

££

B610

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENERUSI INI, MALAYSIA AKAN DAPAT MENGIMBANGI KEADAAN PERDAGANGAN YANG BERAT SEBELAH YANG UJUD DENGAN RAKAN-RAKAN PERDAGANGANNYA, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PELANCARAN KERETA ITU, IAITU SATU PROJEK USAHASAMA ANTARA KOPERATIF ANGKATAN TENTERA DAN WEARNE BROTHERS, SEBAGAI SATU LANGKAH PENTING DALAM BIDANG PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERINDUSTRIAN KERETA.

HADIR DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI PERTAHANAN, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB MAHMUD DAN DUTA JEPUN KE MALAYSIA, ENCIK EIKICHI HARA.

—BERNAMA 2135/AH